

**TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA PROGRAM PERKHEMAHAN
PERTAMA MAHASISWA UTeM 2007**

**TEMPAT:
PLKN JUGRA
BANTING, SELANGOR**

**TARIKH :
24 NOVEMBER 2007**

TEKS UCAPAN YBHG NAIB CANSELOR SEMPENA PROGRAM PERKHEMAHAN PERDANA MAHASISWA UTeM 2007 PADA 24 NOVEMBER 2007, JAM 2.30 PETANG BERTEMPAT DI PLKN JUGRA, BANTING, SELANGOR.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WRT WBT. DAN SALAM SEJAHTERA

YB. DATO' DR. ADHAM BIN BABA

SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA.

Y. BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH

TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)

Y. BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN MOHD DIAH

TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)

Y. BHG. PROF. MADYA DR. ZOLKEPLI BIN BUANG
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

AHLI-AHLI EXCO MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

SETERUSNYA PARA PELAJAR YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

MARILAH KITA MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KEPADA ALLAH SWT KERANA MEMBERI KITA KESEMPATAN PADA PETANG INI UNTUK BERKUMPUL BAGI MENJAYAKAN MAJLIS PERASMIAN PERKHEMAHAN PERDANA MAHASISWA UTeM 2007.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MERAKAMKAN BERBANYAK TERIMA KASIH KEPADA YB DATO' DR. ADHAM BIN BABA, SETIAUSAHA PARLIMEN, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA KERANA SUDI HADIR DAN SETERUSNYA MERASMIKAN MAJLIS PADA HARI INI.

PERKHEMAHAN PERDANA YANG BERLANGSUNG SELAMA 3 HARI INI MERUPAKAN SATU PERHIMPUNAN KEPADA 31 PERSATUAN YANG DITUBUHKAN DI UTeM. INI ADALAH PERHIMPUNAN KALI KEDUA DIADAKAN, IAITU SELEPAS KALI PERTAMA DIADAKAN PADA TAHUN 2006.

TUJUAN UTAMA PERKHEMAHAN PERDANA INI DIADAKAN IALAH UNTUK MENINGKATKAN KESEPAKATAN ANTARA AHLI PERSATUAN TERUTAMANYA DI KALANGAN AHLI JAWATANKUASA (AJK) PERSATUAN SUPAYA LEBIH MANTAP DAN BERKALIBAR.

UNTUK MAKLUMAN Y.B DATO', SEHINGGA KINI TERDAPAT SEBANYAK 31 BUAH KELAB DAN PERSATUAN TELAH DITUBUHKAN DI UTeM. PERSATUAN-PERSATUAN INI TERDIRI DARIPADA PELBAGAI BIDANG IAITU ANTARANYA PERSATUAN FAKULTI, KEAGAMAAN, SOSIAL, KEUSAHAWANAN, SUKAN DAN SEBAGAINYA MANAKALA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) MERUPAKAN BADAN INDUK KEPADA PERSATUAN-PERSATUAN INI.

DI PERINGKAT FAKULTI WUJUDNYA PERSATUAN MEREKA SENDIRI, SEPERTI PERSATUAN MAHASISWA TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN

KOMUNIKASI (FICT'S), PERSATUAN PELAJAR FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (FAMESA), PERSATUAN MAHASISWA FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER (ECESS), KELAB 'INSTITUTION OF ELECTRICAL ELECTRONIC ENGINEERS' (IEE) DAN PERSATUAN MAHASISWA KEJURUTERAAN PEMBUATAN (SME).

TERDAPAT JUGA PERSATUAN YANG DITUBUHKAN ATAS DASAR DAN MINAT YANG SAMA MISALNYA KELAB DEBAT DAN PIDATO, KELAB BADAN DAKWAH DAN KEROHANIAN (BADAR), PERSATUAN SILAT CEKAK HANAFI, KELAB KAUNSELING DAN KERJAYA, KELAB PERPADUAN, KELAB NASYID, KELAB CATUR, KELAB BADMINTON DAN SEBAGAINYA.

PELBAGAI AKTIVITI TELAH DIATUR UNTUK MANFAAT AHLI-AHLI KELAB DAN PERSATUAN. SEHINGGA KINI SEBANYAK 107 AKTIVITI YANG TELAH DILAKSANAKAN DI PERINGKAT PELAJAR

DALAM PELBAGAI PROGRAM, PIHAK UNIVERSITI SENTIASA MENGGALAKKAN AKTIVITI YANG DILAKUKAN OLEH PELAJAR MELALUI PERSATUAN-PERSATUAN SEPERTI INI. IA KERANA PENGLIBATAN PELAJAR DALAM AKTIVITI KELAB DAN PERSATUAN MAMPU MEMBENTUK MAHASISWA YANG TIDAK SAHAJA CEMERLANG DALAM BIDANG AKADEMIK TETAPI JUGA DAPAT MEMBENTUK MAHASISWA YANG MEMPUNYAI SAHSIAH DAN JATI DIRI YANG BAIK.

SELAIN ITU AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIANJURKAN OLEH KELAB DAN PERSATUAN DAPAT MENGELAK PELAJAR DARIPADA MEMBUANG MASA MELAKUKAN PERKARA YANG TIDAK BERFAEDAH. PENGLIBATAN MAHASISWA DENGAN KELAB DAN PERSATUAN AKAN DAPAT MENINGKATKAN KREATIVITI, KETAHANAN MENTAL DAN FIZIKAL MEREKA. IA JUGA DAPAT MENINGKATKAN KEMAMPUAN *SOFT SKILL* ATAU PEMBANGUNAN

INSANIAH DI KALANGAN PELAJAR YANG MENJADI AGENDA NEGARA SEKARANG.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

BAGI MEMASTIKAN OBJEKTIF PROGRAM PERKHEMAHAN PERDANA INI DICAPAI, PARA PESERTA PROGRAM SERAMAI 500 ORANG AKAN DIBERI PENEKANAN KEPADA AKTIVITI-AKTIVITI YANG MENJURUS KEPADA ASPEK KEPENTINGAN KOMUNIKASI, KEYAKINAN DIRI (CONFIDENCE SELF), KERJA KUMPULAN DAN KEPIMPINAN YANG BERWIBAWA. SEMUA PESERTA PERLU MELALUI AKTIVITI YANG TELAH DITETAPKAN IAITU ANTARANYA AKTIVITI KAYAK, FLYING FOX, ABSEILING, PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN, OBSTACLE, GOTONG-ROYONG DAN SEBAGAINYA.

OLEH YANG DEMIKIAN SAYA MENGHARAPKAN SELEPAS INI PARA PESERTA AKAN MEMPUNYAI SEMANGAT YANG LEBIH JITU UNTUK MENGADAKAN LEBIH BANYAK AKTIVITI YANG DAPAT MENINGKATKAN PRESTASI KELAB ATAU PERSATUAN MASING-MASING.

BUKAN SETAKAT ITU SAHAJA, SAYA JUGA BERHARAP ANDA DAPAT MENGADAKAN ATAU MENGANJURKAN AKTIVITI KELAB ATAU PERSATUAN YANG DAPAT MEMBANGGAKAN NAMA UNIVERSITI. MISALNYA ANDA BOLEH MENGANJURKAN PERTANDINGAN CATUR PERINGKAT KELAB ANTARA IPT, PERTANDINGAN BADMINTON ANTARA KELAB DI IPT, MENGANJURKAN SEMINAR KEPIMPINAN KELAB PERINGKAT KEBANGSAAN DAN SEBAGAINYA.

INI SUDAH TENTU DAPAT MENINGKAT IMEJ DAN NAMA KELAB ATAU PERSATUAN DI UTeM. SUDAH

SAMPAI MASANYA KITA MENAPAK SATU LANGKAH KEHADAPAN SUPAYA DIKENALI DAN LEBIH DIHORMATI. DENGAN CARA INI ANDA AKAN MENIMBA LEBIH BANYAK PENGALAMAN DAN MERASAKAN LEBIH CABARAN UNTUK MEMIMPIN PERSATUAN.

AKHIR KATA SAYA MERAKAMKAN UCAPAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI SERTA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR KERANA MENJAYAKAN PROGRAM PERKHEMAHAN PERDANA MAHASISWA UTeM 2007 INI. SEMUA PESERTA PERLU MENANAMKAN KEYAKINAN DAN KEBOLEHAN DIRI UNTUK MENINGKATKAN KETAHANAN MENTAL DAN FIZIKAL DAN SEMOGA PROGRAM INI BERJAYA MENCAPAI OBJEKTIFNYA.

SEKIAN, WABILLAHl TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WBT DAN TERIMA KASIH.